



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELEPASAN DUTI SETEM DI BAWAH SEKSYEN 15, AKTA SETEM 1949**

### **1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan pelepasan duti setem di bawah seksyen 15, Akta Setem 1949 (AS).

Seksyen 15 mengecualikan surat cara-surat cara yang disempurnakan berkaitan dengan skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat yang ditubuhkan di dalam Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016 daripada penganan duti setem.

Secara umumnya, ia merupakan transaksi pindah milik harta seperti hartanah, syer atau perniagaan yang dilaksanakan menggunakan borang pindah milik [Borang KTN 14A, Memorandum Pindah Milik (di Sabah dan Sarawak) dan Borang Seksyen 105, Akta Syarikat 2016] atau surat cara perjanjian jual beli perniagaan.

### **2. SYARAT-SYARAT KELULUSAN**

2.1 Syarikat penerima layak mendapat pelepasan jika syarikat menambah modalnya untuk tujuan:

- a. Pengambil alihan mana- mana syarikat sedia ada; atau
- b. Memperolehi tidak kurang daripada 90% modal syer dikeluarkan bagi mana - mana syarikat sedia ada.

2.2 Balasan untuk pemerolehan ini juga hendaklah tidak kurang daripada 90% syer dalam keadaan berikut:

- a. Dalam kes pengambil alihan mana - mana syarikat sedia ada, balasan ialah pengeluaran syer dalam syarikat penerima pindah milik sama ada kepada syarikat sedia ada atau kepada pemegang-pemegang syernya.
- b. Jika dalam kes pemerolehan syer, balasan ialah pengeluaran syer dalam syarikat penerima pindah milik kepada pemegang syer dalam syarikat yang sedia ada sebagai pertukaran syer yang dipegang oleh mereka.

2.3 Syer dalam syarikat penerima pindah milik hendaklah didaftarkan di atas nama pemegang syer dan bukan atas nama wakil.

2.4 Surat cara yang dikemukakan untuk mendapat pelepasan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh-tarikh berikut:

- a. Tarikh pendaftaran syarikat penerima pindah milik; atau
- b. Tarikh resolusi untuk menambah modal syer dikeluarkan syarikat penerima pindah milik; atau
- c. Tarikh perjanjian yang telah difailkan dengan Pendaftar Syarikat.

### **3. PROSEDUR PERMOHONAN**

3.1 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh syarikat penerima kepada mana-mana Pejabat Pengarah Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui sistem STAMPS, diikuti dengan pengemukakan dokumen-dokumen sokongan secara serahan tangan.

3.2 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Dokumen pembuktian skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat seperti Perjanjian Pindah Milik Syer, Perjanjian Pindah Milik Perniagaan atau Perjanjian Penyusunan Semula/Penggabungan yang telah disetemkan dengan sewajarnya;
- b. Akuan berkanun yang diakui oleh seorang peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi dalam format yang telah ditetapkan seperti **lampiran 1**;
- c. Perlembagaan Syarikat (*Constitution of a Company*) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
- d. Resolusi Lembaga Pengarah penambahan modal syer syarikat yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
- e. Borang Seksyen 51 Akta Syarikat 2016 (*Register of Member*), Borang Seksyen 68 Akta Syarikat 2016 (*Annual Return of A Company Having A Share Capital*) terkini sebelum berlakunya transaksi pindah milik dan Borang Seksyen 78 Akta Syarikat 2016 (*Return Of Allotment Of Shares*) sebagai bukti balasan syer yang dimuat turun dari Portal Rasmi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- f. Surat tawaran dan Resolusi Ahli (*Members' Written Resolution*) yang meluluskan transaksi pindah milik syer yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
- g. Surat-surat kelulusan daripada badan kawal selia Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (M.I.T.I), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM); dan
- h. Salinan sijil syer yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat.

3.3 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh syarikat sedia ada adalah seperti berikut:

- a. Borang Seksyen 51 Akta Syarikat 2016 (*Register of Member*) dan Borang Seksyen 68 Akta Syarikat 2016 (*Annual Return of A Company Having A Share Capital*) terkini sebelum berlakunya transaksi pindah milik yang dimuat turun dari Portal Rasmi SSM;
- b. Salinan sijil syer sebagai bukti pemindahan syer kepada syarikat penerima yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
- c. Lain-lain dokumen yang berkaitan.

3.4 Kelulusan akan dimaklumkan dalam sistem STAMPS. Pemohon perlu hadir ke Pejabat Pengarah Negeri, LHDNM yang berkenaan bagi mendapatkan Surat Kelulusan dan Sijil Pengecualian Duti Setem di bawah peruntukan ini.

3.5 Permohonan pelepasan yang ditolak juga dimaklumkan dalam sistem STAMPS dan disalin kepada Pejabat Setem Cawangan atau Pusat Khidmat Hasil, LHDNM yang berkenaan bagi memastikan penyeteman suratcara dibuat dengan sewajarnya.

#### **4. PENARIKAN BALIK KELULUSAN PELEPASAN DUTI SETEM**

Kelulusan pelepasan duti setem di bawah peruntukan ini akan ditarik balik sekiranya didapati berlakunya perkara-perkara yang berikut:

- 4.1 Surat akuan dan keterangan yang menyokong pelepasan didapati tidak benar.
- 4.2 Syarat-syarat sebagaimana subseksyen 15(1) AS seperti perenggan 2 Garis Panduan ini tidak dipenuhi dalam pelaksanaan sebenar skim penyusunan semula atau penggabungan syarikat.

- 4.3 Syarikat penerima atau syarikat sedia ada (termasuk pemegang syer) terhenti menjadi pemilik benefisial syer yang dikeluarkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pendaftaran/pemerbadanan syarikat atau tarikh resolusi ahli berkenaan penambahan modal syer.
- 4.4 Syarikat sedia ada melupuskan syer syarikat penerima dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pendaftaran/pemerbadanan syarikat atau tarikh resolusi ahli berkenaan penambahan modal syer kecuali dalam keadaan berikut:
- a. Pelupusan syer balasan kerana penyusunan semula atau penggabungan syarikat (sedia ada);
  - b. Pembubaran syarikat (sedia ada); atau
  - c. Untuk mematuhi dasar kerajaan.
- 4.5 Syarikat penerima melupuskan syer syarikat sedia ada dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pendaftaran/pemerbadanan syarikat atau tarikh resolusi ahli berkenaan penambahan modal syer kecuali dalam keadaan berikut:
- a. Penyusunan semula atau penggabungan syarikat (penerima pindah milik); atau
  - b. Pembubaran syarikat (penerima pindah milik).
- 4.6 Dengan penarikan balik kelulusan di bawah seksyen 15, duti setem yang telah dilepaskan adalah dikenakan bersama-sama dengan faedah sebanyak 6% setahun mulai dari tarikh surat cara pindah milik yang berkenaan sepatutnya disetamkan selaras dengan peruntukan subseksyen 15(5) AS. Selain itu, penalti lewat setem di bawah seksyen 47A AS juga boleh dikenakan.

## 5. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PENERIMA DAN SYARIKAT SEDIA ADA

5.1 Syarikat penerima dan syarikat pemberi yang terlibat dengan pindah milik hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pejabat Pengarah Negeri, LHDNM yang telah mengeluarkan kelulusan di bawah peruntukan ini sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:

- a. Dokumen sokongan yang dilampirkan semasa permohonan dibuat didapati tidak benar dalam apa cara sekalipun;
- b. Didapati transaksi sebenar yang berlaku tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan seperti di perenggan 2 Garis Panduan ini;
- c. Syarikat sedia ada (termasuk pemegang syer) melupuskan atau terhenti menjadi pemilik benefisial syer syarikat penerima dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pendaftaran / pemerbadanan syarikat atau tarikh resolusi ahli berkenaan penambahan modal syer;
- d. Syarikat penerima melupuskan atau terhenti menjadi pemilik benefisial syer syarikat sedia ada dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pendaftaran / pemerbadanan syarikat atau tarikh resolusi ahli berkenaan penambahan modal syer.

5.2 Pemakluman kepada Pejabat Pengarah Negeri, LHDNM hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya mana-mana keadaan tersebut di atas.

5.3 Syarikat penerima dan syarikat sedia ada hendaklah mengemukakan Borang Seksyen 68 Akta Syarikat 2016 bagi setiap ulangtahun selama tempoh 3 tahun kepada Pejabat Pengarah Negeri, LHDNM dari:

- a. tarikh pendaftaran / pemerbadanan **syarikat penerima; atau**
- b. tarikh penambahan modal syer **syarikat penerima**

untuk tujuan pemerolehan perniagaan atau pemerolehan syer.

## **6. PENGEMASKINIAN**

Garis panduan ini adalah untuk menggantikan 'Garis Panduan Permohonan Pelepasan Duti Setem Di Bawah Seksyen 15, Akta Setem 1949 (No.Rujukan LHDN.AG.600-1/7/3)' dan berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

1 Mac 2022

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/68/4

**STATUTORY DECLARATION IN CONNECTION WITH APPLICATION FOR RELIEF OF  
STAMP DUTY UNDER SECTION 15 OF THE STAMP ACT 1949**

Statutory Declaration in Connection with Application under Section 15, Stamp Act 1949 for relief from stamp duty in case of reconstructions or amalgamations of companies.

..... (existing company)  
..... (transferee company)  
I..... NRIC No ..... of full age and residing at ..... an Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya and a [partner][legal assistant]<sup>1</sup> in the firm of ..... (name) and ..... (address).

DO SOLEMNLY AND SINCERELY DECLARE as follows:

1. I have been engaged in connection with the transaction referred to below and am fully acquainted therewith.
2. .... (hereinafter referred to as "the existing company") [the vendor therein named] was incorporated in .....<sup>2</sup> with limited liability on .....<sup>3</sup> under the .....<sup>4</sup>; and has an issued share capital of ..... divided into ..... shares of ..... each, all of which have been fully paid up;
3. .... [hereinafter referred to as "the transferee company"] was incorporated in Malaysia with limited liability on .....<sup>3</sup> under the [Companies Act .....]<sup>4</sup> ..... [with] [and] <sup>1</sup> immediately prior to the General Meeting referred to in paragraph 6 below had an issued share capital of RM ..... divided into shares of ..... each [all of which] [of which .....] <sup>1</sup> had been fully paid up.
4. It is provided by Memorandum & Articles of Association/ Constitution of a Company<sup>5</sup> of the transferee company that one of the objects for which it was incorporated was to acquire [the undertaking] [not less than ninety per cent of the issued share capital]<sup>1</sup> of the existing company.



5. By an agreement (hereinafter called "the Agreement") dated ..... a copy of which is now produced to me marked "A", [existing company]<sup>1</sup> agreed to sell and the transferee company agreed to purchase in connection with a scheme of [reconstruction] [amalgamation]<sup>1</sup>

[the whole] [the part described in the agreement]<sup>1</sup> of the undertaking of the existing company;

OR

[the whole] [..... shares of ..... each, being not less than ninety per cent in nominal value of the whole]<sup>6</sup> of the issued share capital of the existing company,

the consideration for such sale to be the issue of (.....)<sup>7</sup> to the [existing company] [holders of shares in existing company]<sup>1</sup> of RM ..... shares in the transferee company credited as fully paid up [and RM ..... in cash];

OR

5. (i) By letter of offer (hereinafter called "the Offer") dated ..... issued by [Existing company] , a copy of which is now produced to me marked "A" the transferee company offered to acquire the whole of the issued share capital of the existing company of the following terms :

For each ..... shares of the existing company..... share[s] of RM ..... each in the transferee company credited as fully paid up [and RM ..... in cash].

(ii) The said offer has been accepted in respect of out of the ..... shares in the existing company (not less than ninety per cent, in nominal value of the whole of the issued share capital of the existing company) and become unconditional on the passing of the resolution referred to in paragraph 6 below.

6. By a [further resolution] [resolution]<sup>1</sup> of the Board of Directors of the transferee company passed on ..... there would be allotted to the [existing company] [holders of shares in the existing company]<sup>1</sup> in pursuance of the [Agreement] [Offer] [pro rate to their original shareholdings]<sup>1</sup> shares of RM ..... each credited as fully paid up and the name[s] of the [existing company] [holders of shares of the existing company]' [has] [have]<sup>1</sup> been entered in the register of members of the transferee company in respect of such share.

7. It is the intention of the transferee company to retain the beneficial ownership of all of the said shares in the existing company acquired by it.<sup>8</sup>

8. The consideration for the acquisition [(except such part thereof as consisted in the transfer to or discharge by the transferee company of liabilities of the existing company)] consisted [wholly of the issue of shares] [as to not less than ninety per cent thereof in market value, of the issue of shares] <sup>1</sup> in the transferee company [as shown by the calculations in the Schedule a copy of which is now produced to me marked "B"].
9. Transferee company and existing company shall notify the Collector of the circumstances specified under subsection 15(5) of the Stamp Act 1949 if it occurs, within 30 days from the date of the occurrence.
10. It is submitted that the appropriate conditions of Section 15 of the Stamp Act 1949 have been complied with and accordingly exemption from ad valorem stamp duty under the head "Conveyance or Transfer on Sale" is claimed in respect of the transfers executed pursuant hereto.

AND I MAKE THIS SOLEMN DECLARATION conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provision of the Statutory Declaration Act 1960.

Subscribed and solemnly declared by the abovenamed )  
 ..... )  
 at ..... )  
 the State of ..... )  
 this ..... , 20..... )

Before me,

Commissioner for Oaths

## Notes

- 1 Adopt either as appropriate.
- 2 State the place of incorporation which it was incorporated.
- 3 Date of incorporation/registration.
- 4 Choose the law under which the transferee company was incorporated. "The Companies Act 1965" if incorporated before 1 January 2017, and "The Companies Act 2016" if incorporated by or after 1 January 2017.
- 5 A copy of the Memorandum & Articles of Association / Constitution of a Company should be sent with the application.
- 6 This will include shares of all classes.
- 7 Number of shares
- 8 The consideration for shares must be registered in the names of holders of shares in the existing company, notwithstanding that they may be the nominees for the Vendor(s). Also forward copy of Form Section 78 (Return of Allotment of Shares) with the application.